



SUN LIFE MALAYSIA TAKAFUL BERHAD

KONTRAK INDUK

**TAKAFUL PENGURANGAN TEMPOH GADAI JANJI
DENGAN MANFAAT KHAIRAT KEMATIAN 2018**

LAMPIRAN MRTT001

Pengenalan

Tujuan

Pelan takaful ini bertujuan untuk menyediakan perlindungan takaful kepada orang yang dilindungi sejajar dengan prinsip-prinsip di bawah dan akan diurus selaras dengan peruntukan-peruntukan yang ditunjukkan di bawah pelan ini.

Prinsip-prinsip asas

- Pertama** Kami akan menguruskan pelan takaful ini sejajar dengan kontrak wakalah dan prinsip-prinsip Syariah yang berkenaan.
- Kedua** Anda dan orang yang dilindungi mesti bersetuju untuk kami mengumpul sumbangan-sumbangan. Anda dan orang yang dilindungi bersetuju untuk melantik Sun Life Malaysia Takaful Berhad untuk menguruskan pelan takaful ini bagi pihak anda dan orang yang dilindungi. Sebagai balasan, anda dan orang yang dilindungi membenarkan kami menolak amaun tertentu sebagai yuran wakalah.
- Ketiga** Jawatankuasa Syariah kami akan memastikan operasi kami mematuhi Syariah pada setiap masa. Anda dan orang yang dilindungi bersetuju bahawa sebahagian daripada sumbangan akan diperuntukkan sebagai tabarru' (derma) ke dalam dana tabarru' peserta untuk perlindungan takaful dan untuk bantuan kewangan bersama kepada peserta yang lain sekiranya berlaku musibah.

LAMPIRAN MRTT003

Peruntukan am

1. Takrifan

- 1.1 Di dalam kontrak ini, perkaatan-perkataan dan frasa-frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya:
- (a) **Anda** bermaksud pemegang kontrak induk seperti yang tertera di dalam jadual kontrak induk.
 - (b) **Dana tabarru' peserta** bermaksud dana pegangan yang mana potongan tabarru' akan dikreditkan ke dalamnya, selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini.
 - (c) **Jawatankuasa Syariah** bermaksud jawatankuasa yang dibentuk oleh kami untuk memberi nasihat ke atas operasi perniagaan takaful kami untuk memastikan ia mematuhi Syariah.
 - (d) **Jumlah yang dilindungi yang berkurangan** bermaksud jumlah yang dilindungi yang telah ditentukan, yang berkurang secara bulanan. Jumlah yang dilindungi yang berkurangan pada akhir setiap tahun adalah seperti di jadual pengurangan jumlah yang dilindungi bagi sijil takaful individu. Jumlah yang dilindungi yang berkurangan bagi setiap bulan akan ditentukan berdasarkan formula yang disediakan di bawah Lampiran MRTT012.
 - (e) **Jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian** bermaksud manfaat yang perlu dibayar apabila berlaku kematian ke atas orang yang dilindungi. Kami akan menentukan jumlah tersebut berdasarkan formula yang dinyatakan dalam Lampiran MRTT012.
 - (f) **Jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)** bermaksud manfaat yang perlu dibayar apabila berlaku TPD ke atas orang yang dilindungi. Ia adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian atau jumlah permulaan TPD yang dilindungi (seperti yang tertera di dalam sijil takaful), yang mana lebih rendah.
 - (g) **Jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat penyakit terminal (membawa maut)** bermaksud manfaat yang perlu dibayar apabila berlaku penyakit terminal (membawa maut) ke atas orang yang dilindungi. Ia adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian seperti yang tertera di dalam sijil takaful.
 - (h) **Kami** bermaksud Sun Life Malaysia Takaful Berhad.
 - (i) **Keadaan sedia ada** bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala yang wujud dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh permohonan ditandatangani, yang mana:
 - (i) rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun didapatkan atau diterima;
 - (ii) seseorang yang biasa dan waras yang mengalami kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala seharusnya telah mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau
 - (iii) kewujudannya telah diketahui oleh orang yang dilindungi, sama ada atau tidak, rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis didapatkan atau diterima.

- (j) **Keperentingan takaful yang dibenarkan** bermaksud kepentingan ekonomi atau kewangan pemegang kontrak induk dalam perlindungan pelanggan yang berhutang kepada pemegang kontrak induk dengan memperoleh skim pinjaman/pembiayaan pemegang kontrak induk.
- (k) **Orang yang dilindungi** bermaksud seseorang yang diberikan perlindungan takaful oleh kami di bawah kontrak induk ini sebagaimana yang dinamakan dalam sijil takaful.
- (l) **Pengendorsan** bermaksud bukti bertulis mengenai sebarang pindaan, perubahan atau penukaran yang dibuat ke atas kontrak dan sijil takaful.
- (m) **Qard** bermaksud pinjaman tanpa faedah yang kami sediakan sekiranya berlaku defisit dalam dana tabarru' peserta.
- (n) **Shariah** bermaksud undang-undang Islam. Dalam konteks kontrak induk ini, Syariah merujuk kepada undang-undang Islam sebagaimana yang ditafsirkan oleh jawatankuasa Syariah.
- (o) **Sijil takaful** bermaksud sijil individu yang dikeluarkan kepada setiap orang yang dilindungi sebagai bukti perlindungan takaful.
- (p) **Sumbangan** bermaksud amaun modal sumbangan yang perlu dibayar oleh orang yang dilindungi seperti yang tertera di dalam sijil takaful.
- (q) **Tabarru'** (derma) bermaksud jumlah yang akan ditolak daripada sumbangan anda untuk menyediakan perlindungan takaful untuk semua peserta.
- (r) **Tarikh permulaan sijil** bermaksud tarikh sijil bermula seperti yang tertera di dalam sijil takaful. Tarikh ini adalah tarikh yang mana perlindungan bermula.
- (s) **Tarikh tamat** bermaksud tarikh akhir bagi perlindungan takaful seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful.
- (t) **Ulang tahun bulanan** bermaksud tarikh pada mana-mana bulan kalendar berikutnya yang mempunyai hari yang sepadan dengan hari dalam tarikh permulaan. Sekiranya tidak ada tarikh dalam bulan kalendar yang berikutnya yang mempunyai hari yang sepadan dengan hari dalam tarikh permulaan, ulang tahun bulanan adalah hari terakhir dalam bulan kalendar yang berikutnya.
- (u) **Ulang tahun sijil** bermaksud ulang tahun setiap tahun tarikh permulaan sijil.
- (v) **Wakalah** bermaksud kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan.

2. Interpretasi

2.1 Di dalam kontrak ini, kecuali konteks memerlukan sebaliknya:

- (a) tajuk di dalam kontrak ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak memberi kesan ke atas pembentukannya.
- (b) perkataan tunggal hendaklah merangkumi perkataan majmuk dan sebaliknya.
- (c) perkataan yang merujuk kepada jantina hendaklah merangkumi semua jantina.

- 2.2 Jika terdapat mana-mana peruntukan di dalam kontrak ini tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia, ia tidak akan menjejaskan kesahan, kesahihan atau kebolehtuakuasaan peruntukan lain.

3. Kontrak induk

- 3.1 Kontrak ini dikeluarkan setelah mempertimbangkan bagi borang permohonan orang yang dilindungi dan pembayaran sumbangan seperti yang tertera di dalam sijil takaful dan adalah bergantung kepada:

- (a) jawapan yang diberikan oleh orang yang dilindungi dalam borang permohonan atau sebarang soal selidik berikutnya yang kami berikan atas apa-apa perkara berkaitan dengan permohonan dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh orang yang dilindungi di antara waktu pengemukakan permohonan dan waktu sijil takaful dibuat; dan
- (b) laporan perubatan dan sebarang laporan dan soal selidik yang lain;
- (secara kolektif dirujuk sebagai 'maklumat penting')

dan maklumat penting tersebut akan menjadi sebahagian daripada kontrak induk antara kami dengan anda dan/atau orang yang dilindungi. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa salah nyataan prakontrak yang berkaitan dengan maklumat penting telah dibuat, hanya remedi di bawah Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan.

- 3.2 Jika kami memerlukan orang yang dilindungi, sebelum sijil takaful diubah, untuk menjawab sebarang soalan atau jika dia dikehendaki untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara berkaitan sijil takaful yang sebelum ini dia dedahkan kepada kami, ia adalah tanggungjawab orang yang dilindungi untuk mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang didedahkan sebelum ini.
- 3.3 Orang yang dilindungi mesti memaklumkan kami sebarang perubahan berkaitan dengan maklumat yang telah diberikan kepada kami dalam jawapan atau sebarang perkara yang sebelum ini didedahkan kepada kami berhubung dengan sijil takaful jika perubahan tersebut telah berlaku selepas orang yang dilindungi mengemukakan permohonan bagi perubahan tetapi sebelum sijil takaful diubah.

4. Bukti kepentingan takaful yang dibenarkan

- 4.1 Kami memerlukan bukti kepentingan takaful yang dibenarkan yang memuaskan di antara pelanggan dan pemegang kontrak induk yang telah memberikan kemudahan pinjaman/pembiayaan sebelum pelanggan diterima untuk perlindungan takaful.
- 4.2 Jika pemegang kontrak induk tidak lagi mempunyai sebarang kepentingan dalam orang yang dilindungi, semua hak-hak dan hak-hak istimewa perlindungan takaful akan dipindahkan kepada orang yang dilindungi secara automatik.

5. Kelayakan

- 5.1 Orang yang layak untuk kontrak ini adalah pemohon pinjaman/pembiayaan hartanah bagi pemegang kontrak induk seperti yang tertera di dalam jadual kontrak induk.

- 5.2 Ahli-ahli yang layak bagi pemegang kontrak induk perlu melengkapkan borang permohonan yang akan dikemukakan kepada kami. Kami boleh menerima atau menolak sebarang permohonan tertakluk kepada syarat-syarat pengunderaitan.

6. Tempoh perlindungan

- 6.1 Perlindungan takaful bagi setiap orang yang dilindungi akan bermula pada tarikh permulaan sijil seperti tertera di dalam sijil takaful.

7. Tempoh semakan percuma

- 7.1 Sekiranya orang yang dilindungi membuat keputusan supaya tidak mengambil perlindungan takaful atas apa jua sebab selepas ia telah dikeluarkan, orang yang dilindungi boleh mengembalikan sijil takaful kepada kami untuk pembatalan dengan memberi notis bertulis kepada pemegang kontrak induk dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran sijil takaful.
- 7.2 Kami akan membayar balik sumbangan yang telah dibayar ditolak sebarang perbelanjaan yang telah kami bayar untuk pemeriksaan perubatan.

8. Umur

- 8.1 Sijil dikeluarkan untuk orang yang dilindungi seperti yang tertera di dalam sijil takaful, berdasarkan tarikh lahir yang diberikan semasa permohonan. Kami perlu mendapatkan bukti umur orang yang dilindungi sebelum kami membayar sebarang manfaat.
- 8.2 Jika umur orang yang dilindungi yang dinyatakan adalah tidak betul dan mereka masih layak untuk perlindungan takaful, kami akan membuat penyelarasan berdasarkan berikut:
- (a) Jika sumbangan yang berdasarkan umur sebenar orang yang dilindungi adalah lebih tinggi berbanding dengan sumbangan yang telah dibayar, manfaat mungkin dibayar secara pro rata berdasarkan nisbah sumbangan yang telah dibayar terhadap sumbangan yang berdasarkan umur sebenar; atau
 - (b) Jika sumbangan yang berdasarkan umur sebenar orang yang dilindungi adalah lebih rendah berbanding dengan sumbangan yang telah dibayar, kami akan mengembalikan perbezaannya.
- 8.3 Oleh itu, kami akan menyelaraskan dana kami sejajar dengan sebarang perubahan pada yuran wakalah dan mengenakan atau mengkreditkan perbezaan di antara potongan tabarru' baru dengan potongan tabarru' yang telah dibuat sebelumnya ke dana tabarru' peserta mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 8.4 Jika umur orang yang dilindungi yang dinyatakan tidak betul dan mereka tidak layak untuk perlindungan takaful, kami akan mengehendkan jumlah manfaat perlu dibayar dari dana tabarru' peserta kepada potongan tabarru' terkumpul, tolak sebarang lebihan terkumpul dalam dana tabarru' peserta sejak tarikh permulaan.

9. Jantina

- 9.1 Sijil dikeluarkan untuk orang yang dilindungi seperti yang tertera di dalam sijil takaful, berdasarkan jantina yang diberikan semasa permohonan.

- 9.2 Jika jantina orang yang dilindungi yang dinyatakan adalah tidak betul, kami akan membuat penyelarasan berdasarkan berikut:
- (a) Jika sumbangan yang berdasarkan jantina yang betul adalah lebih tinggi berbanding dengan sumbangan yang telah dibayar, manfaat mungkin dibayar secara pro rata berdasarkan nisbah sumbangan yang telah dibayar terhadap sumbangan yang berdasarkan jantina sebenar; atau
 - (b) Jika sumbangan yang berdasarkan jantina yang betul adalah lebih rendah berbanding dengan sumbangan yang telah bayar, kami akan mengembalikan perbezaannya.
- 9.3 Oleh itu, kami akan menyelaraskan dana kami sejajar dengan sebarang perubahan pada yuran wakalah dan mengenakan atau mengkreditkan perbezaan di antara potongan tabarru' baru dengan potongan tabarru' yang telah dibuat sebelumnya ke dana tabarru' peserta mengikut mana-mana yang berkenaan.

10. Perihal tidak boleh dipertikaikan

- 10.1 Jika sijil takaful tidak lagi sah, atas sebab selain daripada penipuan, kami akan membayar balik sumbangan yang telah dibayar dari tarikh permulaan sijil, tanpa sebarang faedah.
- 10.2 Kami tidak boleh mempertikaikan sijil selepas ia telah berkuatkuasa selama 2 tahun dari tarikh sijil dikeluarkan, kecuali terdapat bukti penipuan.

11. Pindaan kepada kontrak induk

- 11.1 Kami berhak meminda terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini bertujuan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan Malaysia. Kami akan memberi notis bertulis terlebih dahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod kami.
- 11.2 Permintaan orang yang dilindungi untuk sebarang perubahan atau pengendorsan kepada kontrak ini tidak akan sah kecuali jika kami benarkan dan kelulusan tersebut hendaklah diendorskan di bawah sijil takaful.

12. Kemampuan untuk melakukan perjalanan dan sebarang sekatan ke atas lokasi tempat kediaman orang yang dilindungi

- 12.1 Kontrak ini tidak menyekat orang yang dilindungi daripada melakukan sebarang perjalanan dan tidak terjejas oleh lokasi tempat tinggalnya.

13. Undang-undang

- 13.1 Kontrak ini dan tanggungjawab kami di bawah kontrak ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang sedang berkuatkuasa di Malaysia. Undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan akan meliputi tetapi tidak terhad kepada mana-mana pekeliling, arahan atau garis panduan.
- 13.2 Sekiranya terdapat perbezaan antara peruntukan-peruntukan kontrak ini dengan mana-mana undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan, undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan tersebut akan dikuatkuasakan.

- 13.3 Kontrak ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian akan diuruskan oleh mahkamah Malaysia.

14. Hak dan kegunaan amaun yang terhutang

- 14.1 Kami mempunyai keutamaan atas sebarang amaun terhutang di bawah sijil takaful.
- 14.2 Kami boleh menggunakan sebarang amaun yang kami terhutang kepada orang yang dilindungi (sebagai contoh: manfaat) di bawah sijil takaful untuk membayar balik sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami (sebagai contoh: sumbangan) di bawah sijil takaful.
- 14.3 Kami tidak akan membuat sebarang bayaran kepada orang yang dilindungi dengan amaun kurang daripada RM2. Walau bagaimanapun, ia akan digunakan sebagai derma kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah kami.

15. Nilai serahan

- 15.1 Sijil takaful akan memperoleh nilai serahan tolak sebarang amaun tertunggak apabila sijil takaful diserahkan.

16. Penyerahan

- 16.1 Sekiranya kemudahan pembiayaan/pinjaman dilangsaikan lebih awal, orang yang dilindungi boleh, pada bila-bila masa semasa hayat orang yang dilindungi dan semasa sijil takaful berkuatkuasa, menyerahkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada kami, tertakluk kepada persetujuan pemegang kontrak induk. Semua manfaat dan hak di bawah sijil takaful akan tamat. Nilai penyerahan yang kami akan bayar kepada orang yang dilindungi semasa serahan sijil takaful mungkin akan berkurangan daripada jumlah sebenar sumbangan yang telah dibayar.
- 16.2 Kami tidak akan membuat sebarang bayaran atas serahan dengan amaun kurang daripada RM2. Walau bagaimanapun, ia akan digunakan sebagai derma kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah kami.
- 16.3 Klausula 7 akan dikuatkuasa jika orang yang dilindungi menyerahkan sijil takaful dalam tempoh semakan percuma.

17. Penyerahan hak

- 17.1 Manfaat-manfaat yang diperuntukkan di bawah kontrak ini, jika ada, tidak boleh diserahkan.

18. Hak milik

- 18.1 Anda adalah pemegang sah kontrak ini.
- 18.2 Anda boleh menggunakan semua hak dan pilihan yang disediakan oleh kontrak ini (bergantung kepada hak sebarang penama).

19. Penama

- 19.1 Orang yang dilindungi yang telah mencapai umur 16 tahun, boleh menamakan seseorang untuk menerima wang yang perlu dibayar apabila dia meninggal dunia di bawah sijil takaful sama ada sebagai wasi, atau sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat. Penamaan boleh dibuat pada masa permohonan sijil atau pada bila-bila masa selepas sijil dikeluarkan.
- 19.2 Penama yang dinamakan di dalam borang penamaan atau mana-mana pindaan pada masa hadapan yang dibuat oleh orang yang dilindungi, akan menerima manfaat kematian mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Orang yang dilindungi boleh membatalkan atau menukar penama pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Notis bertulis mestilah kami terima dan daftarkan semasa hayat orang yang dilindungi. Pembatalan dan perubahan penama akan berkuatkuasa dari tarikh kami menerima notis bertulis itu.

20. Notis tuntutan

- 20.1 Anda atau wakil sah anda mestilah memberi notis bertulis mengenai tuntutan di ibu pejabat kami dalam masa 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.

21. Bukti tuntutan

- 21.1 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan kepada kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberian notis tuntutan kepada kami atas perbelanjaan anda atau wakil sah anda.
- 21.2 Kami berhak untuk meminta sebarang dokumen tambahan lain sekiranya perlu untuk menyokong tuntutan.
- 21.3 Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalani pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa yang berkelayakan dari segi undang-undang dan yang kami lantik, atas perbelanjaan kami, untuk menyokong tuntutan.

22. Bayaran manfaat

- 22.1 Selepas menerima dan meluluskan bukti tuntutan orang yang dilindungi, kami akan membayar anda amaun pinjaman/pembiayaan tertunggak sebenar yang ditanggung oleh orang yang dilindungi atau jumlah yang dilindungi yang berkurangan, yang mana lebih rendah.
- 22.2 Sijil akan ditamatkan semasa pembayaran di atas.
- 22.3 Jika amaun pinjaman/pembiayaan tertunggak sebenar adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi yang berkurangan, baki apa-apa manfaat yang perlu dibayar akan dibayar kepada orang yang dilindungi, jika masih hidup; atau sebaliknya kepada penama yang dinamakan oleh orang yang dilindungi.
- 22.4 Sekiranya tiada penama, manfaat-manfaat yang belum dibayar akan dibayar kepada pihak penuntut yang sah.

23. Rekod

- 23.1 Anda perlu mengemukakan secara berkala kepada kami, maklumat berkaitan dengan orang yang dilindungi yang baru dan penamatan perlindungan orang yang dilindungi yang diperlukan oleh kami untuk mengurus takaful. Anda akan mengemukakan kepada kami umur, pekerjaan, jantina dan data lain yang berkaitan mengenai orang yang dilindungi yang mana mungkin dianggap berkaitan untuk mengurus takaful tersebut dan untuk menentukan kadar sumbangan apabila diminta oleh kami.

24. Penamatan

- 24.1 Anda atau kami boleh menamatkan kontrak ini dengan memberi 90 hari notis bertulis. Walau bagaimanapun, perlindungan untuk setiap orang yang dilindungi akan berterusan sehingga tarikh tamat sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful orang yang dilindungi masing-masing.
- 24.2 Sijil takaful akan tamat apabila berlaku mana-mana kejadian berikut:
- (a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian atau penyakit terminal (membawa maut) orang yang dilindungi seperti yang tertera dalam peruntukan-peruntukan manfaat di dalam Lampiran MRTT006 dan Lampiran MRTT008 kontrak ini;
 - (b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat TPD orang yang dilindungi seperti yang tertera dalam peruntukan-peruntukan manfaat di dalam Lampiran MRTT007, jika amaun manfaat TPD yang perlu dibayar adalah bersamaan dengan manfaat kematian. Sekiranya manfaat TPD yang perlu dibayar adalah lebih rendah berbanding dengan manfaat kematian, perlindungan takaful ke atas manfaat kematian akan diteruskan. Kami akan menolak jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian dengan manfaat TPD yang perlu dibayar bagi semua tempoh masa hadapan;
 - (c) Pada akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful;
 - (d) Setelah sijil diserahkan; atau
 - (e) Setelah sijil dibatalkan.

25. Mengingkari peruntukan-peruntukan

- 25.1 Jika sesiapa yang terlibat dengan kontrak ini mengetahui tentang, atau membenarkan sesiapa mengingkari mana-mana peruntukan kontrak ini, ia tidak bermakna peruntukan tersebut tidak boleh dikuatkuasakan pada masa hadapan.
- 25.2 Tanpa mengambilkira peruntukan ini, anda dan kami boleh melaksanakan hak di bawah kontrak ini dan memastikan kedua-dua pihak mematuhi semua peruntukan yang ada.

26. Cukai

- 26.1 Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil takaful akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma kontrak induk ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

LAMPIRAN MRTT004

Peruntukan dana

1. Dana tabarru' peserta

- 1.1 Kami akan menguruskan aset dana tabarru' peserta dan menentukan bagaimana ia dilabur dan diurus sejajar dengan prinsip Shariah. Kami akan melabur aset dalam sekuriti dan aset yang patuh Shariah. Sebarang keuntungan pelaburan dari dana tabarru' peserta (jika ada) akan menjadi sebahagian daripada pengiraan dan pengagihan perkongsian lebihan.
- 1.2 Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj untuk pengurusan dan pelaburan aset dana tabarru' peserta serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan dana tabarru' peserta.
- 1.3 Jika dana tabarru' peserta tidak mencukupi untuk membayar manfaat takaful, kami akan mengatitkan Qard (pinjaman tanpa faedah) dari dana kami untuk membayar kekurangan tersebut. Qard ini akan dibayar balik apabila terdapat keuntungan di dalam dana tabarru' peserta.
- 1.4 Kami akan berkongsi sebarang lebihan seperti yang dinyatakan dalam Lampiran MRTT011 kontrak ini.

LAMPIRAN MRTT005

Peruntukan sumbangan dan caj

1. Sumbangan

- 1.1 Sumbangan tunggal akan dibayar untuk perlindungan takaful bagi orang yang dilindungi.
- 1.2 Kami berhak untuk menyemak semula kadar sumbangan. Kami akan memberi notis bertulis kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum ulang tahun kontrak untuk penyemakan semula sumbangan. Penyemakan semula sumbangan akan berkuatkuasa bagi sijil baru yang dikeluarkan selepas tamat tempoh notis.

2. Yuran wakalah

- 2.1 Kami akan mengambil yuran wakalah daripada sumbangan. Ia adalah peratusan (%) daripada sumbangan seperti yang dinyatakan di dalam Lampiran MRTT011 kontrak ini.
- 2.2 Kami berhak untuk menyemak semula peratusan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari kepada anda. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.

3. Tabarru'

- 3.1 Kami akan mengambil tabarru', iaitu sumbangan tunggal selepas ditolak dengan yuran wakalah dan memindahkan amaun ini ke dalam dana tabarru' peserta.
- 3.2 Kami berhak untuk menyemak semula kadar tabarru' pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari kepada anda. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.

LAMPIRAN MRTT006

Peruntukan manfaat – Manfaat kematian

1. Manfaat kematian

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am, semasa sijil takaful berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi dan meluluskan tuntutan tersebut, kami akan membayar jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian pada tarikh kematian, dari dana tabarru' peserta dengan pembayaran sekaligus.
- 1.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami.
- 1.3 Sijil akan ditamatkan apabila berlaku kematian orang yang dilindungi atau pembayaran di atas.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Kami tidak akan membayar sebarang manfaat sekiranya orang-orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan bunuh diri, semasa waras atau tidak waras, dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil. Liabiliti kami akan terhad kepada nilai tunai pada tarikh kematian.

3. Penamatan manfaat

- 3.1 Perlindungan takaful di bawah sijil ini akan tamat apabila berlaku mana-mana kejadian berikut:
 - (a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian orang yang dilindungi;
 - (b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat TPD orang yang dilindungi, jika jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat TPD adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian;
 - (c) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat penyakit terminal (membawa maut);
 - (d) Pada akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful;
 - (e) Setelah sijil diserahkan; atau
 - (f) Setelah sijil dibatalkan.

LAMPIRAN MRTT007

Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

1. Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal

- 1.1 Manfaat ini hanya akan berkuatkuasa jika orang yang dilindungi mengalami TPD sebagaimana ditakrifkan di bawah, semasa sijil takaful berkuatkuasa, dan TPD bermula pada atau selepas tarikh permulaan sijil.
- 1.2 Tertakluk kepada peruntukan am, semasa sijil takaful berkuatkuasa dan sebelum tarikh ulang tahun bulanan sejurus selepas hari lahir ke-65 orang yang dilindungi, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang dilindungi telah mengalami TPD dan meluluskan tuntutan, kami akan membayar jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat TPD pada tarikh TPD bermula, dari dana tabarru' peserta dengan pembayaran sekaligus.
- 1.3 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda terutang kepada kami.
- 1.4 Jika jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat TPD adalah lebih rendah daripada jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian, pada tarikh TPD bermula, manfaat TPD yang perlu dibayar akan terhad kepada jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat TPD dan perlindungan takaful atas manfaat kematian akan diteruskan. Jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian sepanjang tempoh masa hadapan akan dikurangkan selaras dengan nisbah yang mana manfaat TPD yang dibayar kepada jumlah yang dilindungi yang untuk manfaat kematian pada tarikh TPD bermula.
- 1.5 Jumlah maksimum manfaat TPD dibayar kepada setiap orang yang dilindungi di bawah kontrak ini dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM4,000,000.

2. Definisi hilang upaya menyeluruh dan kekal

- 2.1 Untuk layak menuntut manfaat ini, 2 pemeriksa perubatan kami mestilah diyakini bahawa hilang upaya yang dialami oleh orang yang dilindungi telah memenuhi takrifan TPD seperti yang dinyatakan di bawah:
 - (a) Untuk orang yang dilindungi yang bekerja
Jika umur orang yang dilindungi di antara 17 dan 65 tahun, mengalami hilang upaya, iaitu hilang upaya menyeluruh dan kekal berlanjutan untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan, dan menghalang sepenuhnya orang dilindungi daripada melibatkan diri dalam apa-apa kerja, perniagaan, pekerjaan atau profesion untuk gaji atau keuntungan.
 - (b) Untuk orang yang dilindungi yang tidak bekerja atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri
Jika umur orang yang dilindungi di antara 17 dan 65 tahun, sewaktu mengalami hilang upaya, dan tidak bekerja atau merupakan seorang suri rumah, TPD bermaksud ketidakupayaan kekal dan berterusan orang yang dilindungi daripada melakukan (sama ada dengan bantuan atau tanpa bantuan) sekurang-kurangnya 3 aktiviti kehidupan harian yang berikut:
 - (i) Pemindahan – duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal;
 - (ii) Pergerakan – keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal;

- (iii) Perihal mengawal – keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri;
- (iv) Pemakaian – memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain;
- (v) Mandi/Membersihkan diri – keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain; atau
- (vi) Makan – kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

Untuk tujuan definisi ini, “dengan bantuan” bermaksud dengan bantuan peralatan dan/atau peranti khas dan tidak berkaitan dengan bantuan manusia.

(c) Berlakunya salah satu dari berikut juga akan dianggap sebagai:

- (i) Lumpuh menyeluruh dan kekal;
- (ii) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua mata;
- (iii) Kehilangan yang kekal akibat putus atau kehilangan penggunaan menyeluruh dan kekal pada dua anggota di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau
- (iv) Kehilangan penglihatan yang menyeluruh dan kekal pada sebelah mata dan kehilangan yang kekal akibat putus atau kehilangan penggunaan menyeluruh dan kekal pada satu anggota di atas pergelangan tangan atau buku lali.

Untuk dianggap ketidakupayaan kekal, ketidakupayaan mestilah berlanjutan untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan.

3. Pengecualian-pengecualian

3.1 Kami tidak akan membayar manfaat sekiranya TPD adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung, atau akibat daripada yang berikut:

- (a) Mogok, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak);
- (b) Kejadian yang berlaku semasa berada di bawah pengaruh minuman keras, bahan yang memabukkan atau sebarang narkotik atau dadah;
- (c) Percubaan membunuh diri (semasa waras atau tidak waras), perbuatan tidak bermoral atau kecederaan sengaja ke atas diri sendiri (semasa waras atau tidak waras);
- (d) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan apa-apa peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang dilindungi itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;
- (e) Terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak yang tidak bersalah) atau menjadi ahli mana-mana organisasi haram;

- (f) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kompleks/keadaan yang berkaitan; atau
- (g) Keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil.

4. Penamatan manfaat

4.1 Manfaat ini akan tamat apabila berlaku mana-mana kejadian berikut:

- (a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat TPD orang yang dilindungi;
- (b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian orang yang dilindungi;
- (c) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat penyakit terminal (membawa maut);
- (d) Pada akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful;
- (e) Setelah sijil diserahkan;
- (f) Setelah sijil dibatalkan; atau
- (g) Pada ulang tahun bulanan sijil sejeurus selepas hari lahir ke-65 orang yang dilindungi.

LAMPIRAN MRTT008

Peruntukan manfaat – Manfaat penyakit terminal (membawa maut)

1. Manfaat penyakit terminal (membawa maut)

- 1.1 Manfaat ini hanya akan berkuatkuasa jika orang yang dilindungi didiagnosis penyakit terminal (membawa maut), semasa sijil takaful berkuatkuasa, dan dijangka akan mengakibatkan kematian dalam tempoh 12 bulan, yang mana perlu untuk disahkan secara perubatan oleh panel perubatan kerajaan yang dilantik.
- 1.2 Tertakluk kepada peruntukan am, semasa sijil takaful berkuatkuasa dan sebelum tarikh ulang tahun bulanan sejeurus selepas hari lahir ke-60 orang yang dilindungi, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang dilindungi telah didiagnosis penyakit terminal (membawa maut) dan meluluskan tuntutan, kami akan membayar jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat penyakit terminal (membawa maut) pada tarikh diagnosis penyakit terminal (membawa maut), dari dana tabarru' peserta dengan pembayaran sekaligus.
- 1.3 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda terutang kepada kami.

2. Definisi penyakit terminal

- 2.1 Penyakit terminal (membawa maut) ditakrifkan sebagai diagnosis muktamad mengenai satu keadaan yang dijangka akan mengakibatkan kematian orang yang dilindungi dalam tempoh 12 bulan.
- 2.2 Orang yang dilindungi mestilah tidak lagi menerima rawatan aktif selain daripada untuk melegakan kesakitan.
- 2.3 Diagnosis ini mestilah disokong oleh pengesahan bertulis daripada pakar yang sesuai dan disahkan oleh panel pegawai perubatan kerajaan.

3. Pengecualian-pengecualian

- 3.1 Kami tidak akan membayar manfaat jika penyakit terminal (membawa maut) disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada penyakit (penyakit-penyakit) akibat Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), kompleks yang berkaitan AIDS atau jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV).

4. Penamatan manfaat

- 4.1 Manfaat ini akan tamat apabila berlaku mana-mana kejadian berikut:
 - (a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat ini kepada orang yang dilindungi;
 - (b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian orang yang dilindungi;
 - (c) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat TPD orang yang dilindungi, jika jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat TPD adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian;
 - (d) Pada akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful;

- (e) Setelah sijil diserahkan;
- (f) Setelah sijil dibatalkan; atau
- (g) Pada ulang tahun bulanan sijil sejeurus selepas hari lahir ke-60 orang yang dilindungi.

LAMPIRAN MRTT009

Peruntukan manfaat – Manfaat khairat kematian

1. Manfaat khairat kematian

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am, semasa sijil takaful berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi dan meluluskan tuntutan tersebut, kami akan membayar RM2,000 sebagai manfaat khairat kematian (di atas manfaat kematian), dari dana tabarru' peserta.

LAMPIRAN MRTT010

Peruntukan manfaat – Manfaat dana kecemasan

1. Manfaat dana kecemasan

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am, semasa sijil takaful berkuatkuasa dan sebelum tarikh ulang tahun bulanan sejeurus selepas hari lahir ke-65 orang yang dilindungi, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang dilindungi telah mengalami TPD dan meluluskan tuntutan, kami akan membayar RM2,000 sebagai manfaat kecemasan (di atas manfaat TPD), dari dana tabarru' peserta.

LAMPIRAN MRTT011

Jadual yuran wakalah dan caj

1. Yuran wakalah

1.1 Yuran wakalah (% daripada sumbangan tunggal) adalah seperti berikut:

Lelaki

Umur	Tempoh takaful						
	3 – 5	6 – 10	11 – 15	16 – 20	21 – 25	26 – 30	31 – 35
17 – 25	45%	45%	41%	41%	41%	41%	41%
26 – 30	45%	45%	41%	41%	41%	41%	41%
31 – 35	45%	45%	41%	41%	41%	41%	41%
36 – 40	44%	44%	41%	41%	41%	41%	41%
41 – 45	44%	44%	41%	41%	41%	41%	41%
46 – 50	44%	44%	41%	41%	41%	41%	41%
51 – 55	44%	44%	41%	41%	41%	41%	41%
56 – 60	42%	42%	41%	41%	41%	41%	41%
61 – 65	40%	40%	40%	40%	40%	40%	40%
66 – 70	39%	39%	39%	39%	39%	39%	39%

Perempuan

Umur	Tempoh takaful						
	3 – 5	6 – 10	11 – 15	16 – 20	21 – 25	26 – 30	31 – 35
17 – 25	50%	50%	46%	46%	46%	46%	46%
26 – 30	50%	50%	46%	46%	46%	46%	46%
31 – 35	50%	50%	46%	46%	46%	46%	46%
36 – 40	49%	49%	46%	46%	46%	46%	46%
41 – 45	49%	49%	46%	46%	46%	46%	46%
46 – 50	49%	49%	46%	46%	46%	46%	46%
51 – 55	49%	49%	46%	46%	46%	46%	46%
56 – 60	47%	47%	46%	46%	46%	46%	46%
61 – 65	45%	45%	45%	45%	45%	45%	45%
66 – 70	44%	44%	44%	44%	44%	44%	44%

1.2 Kami berhak untuk menyemak semula peratusan ini pada bila-bila dengan memberi notis bertulis kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari.

2. Duti setem

2.1 Duti setem sebanyak RM10 akan ditanggung oleh kami.

3. Perkongsian lebihan

3.1 Sebarang lebihan yang diagihkan dari dana tabarru' peserta pada setiap akhir tahun kewangan akan diperuntukkan seperti berikut:

- Kami – 50% daripada lebihan
- Peserta – 50% daripada lebihan, jika layak

LAMPIRAN MRTT012

1. Formula bagi jumlah yang dilindungi yang berkurangan

Jumlah yang dilindungi yang berkurangan (RSC) dikira berdasarkan formula berikut:

$$RSC_t = ISC \quad \text{bagi } t \leq 12 \times dp$$

$$RSC_t = \frac{1 - vl^{(12 \times n) - (t-1)}}{1 - vl^{(12 \times pp)}} \times ISC \quad \text{bagi } t = (12 \times dp) + 1, (12 \times dp) + 2, \dots, 12 \times n$$

di mana,

ISC = jumlah permulaan yang dilindungi

$$vl = \frac{1}{1 + \frac{lpr}{12}}$$

lpr = Kadar Keuntungan Pinjaman/Pembiayaan

dp = Tempoh Penangguhan

pp = Tempoh Bayaran Balik Pinjaman/Pembiayaan

n = $dp + pp$

t = Tempoh dalam bulan